

KENYATAAN MEDIA

MEDAC – PERNAS KOMITED LAHIRKAN BANGSA USAHAWAN DALAM INDUSTRI FRANCAIS

KUALA LUMPUR, 27 OKTOBER 2021 – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) optimis untuk melahirkan bangsa usahawan khususnya dalam industri francais menerusi agensinya, Perbadanan Nasional Berhad (Pernas) melalui pelbagai program dan bantuan pembiayaan kepada para usahawan.

Bercakap ketika Program Business In Transformation & Franchisor Engamement (BITFE), Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), YB Tan Sri Noh bin Haji Omar berkata, “Industri francais merupakan salah satu sektor utama selain dari koperasi yang memberi impak penting kepada pertumbuhan ekonomi negara. Ini adalah berdasarkan Laporan Tahunan Perniagaan Francais (LPTF) yang menunjukkan peningkatan sebanyak 11.3 peratus daripada RM8.66 bilion pada tahun 2016 kepada RM13.3 bilion pada tahun 2019. Untuk tahun 2020, industri francais dijangka mencatat sebanyak RM13.6 bilion.”

“Sehingga kini sebanyak 1,090 syarikat francais yang berdaftar dan dari itu sejumlah 68 syarikat francais tempatan telah berjaya menembusi pasaran antarabangsa dan berada di 70 buah negara. Ini membuktikan bahawa industri francais negara mendapat tempat dalam kalangan para usahawan dan mampu menyediakan peluang perniagaan khususnya kepada golongan bumiputera.” tambah beliau.

Menurutnya lagi, penyertaan bakal usahawan dapat dipertingkatkan lagi dengan membangunkan perniagaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) ke arah francais mampu milik agar lebih ramai bakal usahawan dapat menceburi bidang perniagaan francais. PKS dilihat memberi sumbangan yang besar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Pada tahun 2020, PKS menyumbang sebanyak 38.2% iaitu RM512.8 bilion daripada RM1,343.9 bilion.

Selari dengan fokus MEDAC yang prihatin dengan usahawan terjejas dan individu yang hilang pekerjaan dalam usaha merealisasikan Pelan Pemulihan Negara, Pernas membantu usahawan-usahawan dan individu yang terkesan dengan situasi pandemik Covid-19 sama ada yang gulung tikar atau hilang sumber pendapatan melalui pekerjaan dalam bidang francais dengan melaksanakan beberapa program seperti Projek "Be Your Own Boss (BYOB)", Projek Xcelerator dan Program Business In Transformation (BIT). Pernas komited membantu usahawan yang terkesan dengan pandemik dengan bantuan dana tambahan dan moratorium.

YB Datuk Hj Zakaria bin Hj Mohd Edris, Pengerusi Pernas menyatakan Pernas menyediakan Program RECURVE yang menawarkan dana tambahan kepada usahawan bagi memulihkan perniagaan mereka di mana sebanyak RM20 juta diperuntukan bagi tujuan ini yang memberi manfaat kepada lebih 350 orang usahawan francais Pernas sedia ada. Pernas juga menyediakan moratorium kepada peminjam yang layak bagi semua pembiayaan selama enam (6) bulan dengan jumlah keseluruhan moratorium yang diluluskan adalah kepada 337 usahawan sebanyak RM9.32 juta.

"Sehingga kini, Pernas telah mengeluarkan lebih daripada RM376 juta untuk membiaya 1,954 usahawan dan pada tahun ini, Pernas telah membiaya sebanyak RM16.9 juta kepada 55 usahawan. Pernas akan terus komited memastikan hasrat mewujudkan 18,000 peluang pekerjaan dalam tempoh lima (5) tahun serta melahirkan lebih ramai usahawan francais dapat dilaksanakan."

Pernas dan agensi-agensi di bawah MEDAC akan bergerak seiring mendokong hasrat MEDAC menjadikan keusahawanan dan koperasi sebagai agenda utama ke arah mewujudkan ekosistem keusahawanan yang kondusif dan inklusif.

Program hari ini turut dihadiri oleh YB Muslimin bin Yahaya, Timbalan Menteri MEDAC, YBhg. Dato' Suriani binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha MEDAC, YBhg Datuk Haji Zamri bin Salleh, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Usahawan) MEDAC, YBrs. Encik Mohd Hilaluddin bin Abd Shukor, Ketua Pegawai Eksekutif Pernas dan usahawan-usahawan francais serta Program BIT.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

Untuk urusan media, sila hubungi: Hamidah Ibrahim, Ketua Jabatan Komunikasi Strategik melalui emel, hamidah.ibrahim@pernas.my atau hubungi talian 03-2082 7788 samb. 7941.

PERBADANAN NASIONAL BERHAD (PERNAS)

Pernas adalah sebuah syarikat pegangan pelaburan ditubuhkan pada 29 November 1969 yang dimiliki oleh Menteri Kewangan Diperbadankan (MOF Inc.) dengan mandat untuk menerajui pembangunan industri francais di Malaysia.

Mulai 2004, Pernas mempunyai sasaran untuk menerajui perkembangan industri francais di Malaysia dan membangunkan jumlah usahawan francais, melalui kepakarannya dengan menawarkan perkhidmatan serta produk-produk yang berkualiti seperti berikut:

1. Skim Pembiayaan Francais untuk perniagaan dan usahawan francais yang merangkumi semua keperluan perniagaan francais termasuk perbelanjaan modal and keperluan modal kerja;
2. Pembiayaan Ekuiti untuk membantu meningkatkan pemilikan ekuiti bumiputera dalam sektor francais strategik; dan
3. Khidmat nasihat merangkumi sokongan kepada pembangunan usahawan bumiputera dan perniagaan francais untuk meningkatkan daya saing dalam persekitaran perniagaan.

Pernas menyediakan khidmat latihan dan skim khas untuk francaisor dan francaisi dan mengalukan rakan-rakan francais ke Malaysia. Selain itu, Pernas juga menawarkan perkhidmatan lain seperti latihan, penyewaan ruang runcit, pelaburan & pembiayaan hartanah (berkaitan dengan francais) dan pelaburan ekuiti.

Berpusat di Ibu Pejabat di Bangsar South, Pernas juga mempunyai lima pejabat koridor iaitu Pejabat Koridor Utara, Pejabat Koridor Pantai Timur, Pejabat Koridor Selatan, Pejabat Koridor Sabah dan Pejabat Koridor Sarawak yang bersedia menjalankan peranan mereka dalam membangunkan lebih ramai francaisor dan francaisi.